

Negara Islam perlu sepakat

B.M 31 JAN 1993

SUBANG JAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, nasib negara dan umat Islam semakin buruk jika negara Islam tidak bekerjasama atau keluar daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menurut Perdana Menteri, negara Islam tidak mempunyai sebarang kekuatan sama ada di bidang ekonomi, politik atau ketenteraan bagi membolehkan mereka bertindak dan membela kepentingan ummah di luar PBB.

Sebaliknya, kata beliau, kepentingan negara dan umat Islam di seluruh du-

nia dapat diperjuangkan jika pemimpinnya lebih tegas dan sepakat menyuarkan kepentingan itu di PBB.

Beliau berkata, pemimpin Islam mesti mengetepikan perbezaan ideologi dan menghentikan segala pertelingkahan serta perbincangan, isu remeh, sebaliknya membuat satu pendirian di PBB mengenai isu mereka mempunyai kepentingan.

"Kita (negara Islam) tidak boleh keluar daripada PBB. Kita mesti bersama PBB kerana kita lemah dan tidak mempunyai sebarang kekuatan jika bertindak dari luar.

"Apa yang lebih penting ialah kita mesti bersatu suara dan sama pendirian di PBB," katanya menjawab soalan peserta persidangan antarabangsa ketujuh Perhimpunan Belia Islam Sedunia (Wamy) di sini, semalam.

Hadir sama ialah Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi, Sheikh Abdul Wahab al-Wasih. Persidangan tiga hari itu dihadiri lebih 200 peserta pelbagai pertubuhan belia Islam dari seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata, kelemahan negara Islam terbukti kerana pemimpinnya gagal menca-

pacu kata sepakat dan membuat pendirian bersama ketika menghadapi pelbagai tekanan, cabaran dan isu yang menjejaskan kepentingan ummah.

Sebagai contoh, kata Dr Mahathir, orang Islam atau Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) gagal menyelesaikan sebarang masalah membabitkan kepentingan negara dan umat Islam seluruh dunia, termasuk menghentikan kekejaman terhadap rakan seagama di Bosnia-Herzegovina.

Beliau berkata, umat Islam dan pemimpinnya juga mempunyai pelbagai kelemahan lain yang memaksa mereka terus ber-

gantung atau dikuasai, dijajah, dipisahkan daripada agama dan tanahnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak umat Islam memperbetulkan kekeliruan terhadap kefahaman ajaran Islam serta menguasai semua ilmu pengetahuan, khususnya sains dan teknologi yang menjadi asas pembangunan industri.

"Kita ketinggalan dalam semua pengajian dan penguasaan ilmu serta industri sehingga terpaksa bergantung sepenuhnya

LIHAT MUKA 2

Malaysia gilap imej Islam

B.M 31 JAN 1993

DARI MUKA 1

kepada orang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai negara Islam, Malaysia mahu membuktikan kepada dunia bahawa negara yang diperintah orang Islam boleh maju dan berjaya dengan keseimbangan pembangunan bendaan dan kerohanian.

"Malaysia mahu menukar imej Islam dan umatnya yang selama ini dianggap mundur, ganas dan kejam. Islam juga dikaitkan dengan kemiskinan, ditindas dan berpelelang antara satu sama lain.

"Malaysia mahu membuktikan kemampuan orang Islam memerintah

dan maju sejajar dengan masa. Kita perlu menukar imej dan gambaran itu supaya Islam dihormati.

"Kita boleh maju jika memahami ajaran sebenar Islam dan berpegang teguh kepadanya. Jika tidak, kita kekal dengan tanggapan dan imej buruk itu," katanya.